

## **FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)**

### **PROGRAM PENAJAAN NASIONAL (PPN) TAHUN 2022**

#### **1. Apakah itu Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022?**

Program Penajaan Nasional (PPN) merupakan penajaan kepada pelajar terbaik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka dunia. Calon-calon yang terpilih akan ditawarkan penajaan bagi mengikuti pengajian peringkat Persediaan sehingga ke peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan pengiktirafan bidang pilihan di **10 universiti terbaik dunia di Amerika Syarikat (USA)** dan **10 universiti terbaik dunia di United Kingdom (UK)** seperti yang disenaraikan dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings*, *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings*, dan / atau *Academic Ranking of World Universities (ARWU)* berdasarkan kedudukan universiti atau bidang pengajian.

#### **2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022?**

2.1 Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut :

##### **2.1.1 Syarat Umum**

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;

- (iv) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- (v) Menduduki peperiksaan **SPM 2021 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk sekolah khas, sekolah swasta atau calon-calon persendirian; dan
- (vi) Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

### **2.1.2 Syarat Khusus**

Memperoleh keputusan **sekurang-kurangnya 9A+ bagi mata pelajaran berikut:**

- (1) Bahasa Melayu;
- (2) Bahasa Inggeris;
- (3) Matematik;
- (4) Sejarah;
- (5) Matematik Tambahan;
- (6) Fizik;
- (7) Kimia;
- (8) Pendidikan Islam/ Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah/  
Pendidikan Syariah Islamiah/ Pendidikan Moral/ Usul Al-Din/  
Al- Syariah/ Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah/ Turath Dirasat  
Al-Islamiah; dan
- (9) Satu (1) mata pelajaran lain;

### **DAN JIKA ADA**

Memperoleh **minimum gred A- bagi semua mata pelajaran lain.**

### **3. Bagaimana kaedah pemilihan pelajar bagi Program Penajaan Nasional?**

- 3.1 JPA akan mendapatkan maklumat keseluruhan keputusan peperiksaan SPM tahun berkenaan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Berdasarkan maklumat yang diterima daripada LPM, senarai nama pelajar yang memenuhi syarat khusus akan disenaraikan dalam laman web JPA.
- 3.2 Pelajar yang telah dikenal pasti perlu membuat semakan berhubung pelawaan penajaan PPN melalui portal rasmi di <http://esilav2.jpa.gov.my/>
- 3.3 Pelajar yang berminat perlu mengisi *eprofiling* secara dalam talian di <http://esilav2.jpa.gov.my/> yang dibuka khusus kepada pelajar yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus sahaja.
- 3.4 Pelajar seterusnya akan menghadiri *Student Assessment Centre* (SAC). Pelajar yang dipanggil menduduki SAC dikehendaki untuk membawa semua dokumen yang diminta.

### **4. Apakah itu *Student Assessment Centre* (SAC)?**

*Student Assessment Centre* (SAC) merupakan kaedah pemilihan pelajar bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. Penilaian SAC ini adalah untuk melihat keadaan fizikal, penampilan, kesesuaian, kerjasama, ketahanan, kematangan, daya kreativiti, komunikasi, kepimpinan dan minat calon dalam bidang pengajian dan Perkhidmatan Awam.

### **5. Bilakah program SAC akan dijalankan?**

SAC dijadualkan pada **4 hingga 7 Julai 2022** mengikut zon pusat temuduga.

**6. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke program SAC?**

Calon boleh membuat semakan panggilan ke program SAC mulai **1 Julai 2022** secara dalam talian di laman web JPA iaitu <http://esilav2.jpa.gov.my/>

**7. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri program SAC?**

Calon akan dimaklumkan melalui surat panggilan ke SAC.

**8. Bagaimanakah JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SAC, keputusan dan penawaran Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022?**

Semua urusan berhubung Program Penajaan Nasional (PPN) iaitu permohonan, panggilan SAC, keputusan dan cetakan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara dalam talian di laman web JPA <http://esilav2.jpa.gov.my.>

Surat-surat/slip pengesahan yang berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon.

Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web JPA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini berhubung Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022.

**9. Saya menduduki peperiksaan SPM 2020. Bolehkah saya memohon Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022?**

**Tidak. Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022** hanya dibuka kepada pelajar lepasan **SPM tahun 2021** sahaja.

**10. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?**

**Boleh.** Calon-calun hanya dibenarkan memilih **satu (1) bidang yang ditawarkan sahaja** bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

**11. Di manakah Program Persediaan diadakan?**

Program persediaan akan diadakan di **Kolej Yayasan UEM (KYUEM), Lembah Beringin** selama 24 bulan.

**12. Berapakah Elaun Sara Hidup yang akan saya terima semasa di peringkat persediaan?**

Elaun Sara Hidup yang akan diterima adalah sebanyak **RM100.00** sebulan.

**13. Adakah program SAC dilaksanakan di luar negara bagi calon-calun yang mengikuti program pertukaran pelajar?**

**Tidak.** Program SAC hanya dilaksanakan di dalam negara sahaja.

**14. Adakah saya dibenarkan melanjutkan pengajian di Universiti selain daripada senarai Universiti yang diberikan?**

**Tidak.** Pelajar hanya dibenarkan memilih **Universiti yang disenaraikan sahaja.**

**15. Bagaimana cara membuat semakan sama ada saya merupakan calon PPN?**

Senarai calon PPN akan **dipaparkan di portal JPA** iaitu <http://esilav2.jpa.gov.my>.

**16. Apakah bidang pengajian dan senarai universiti boleh dipohon?**

Bidang pengajian dan senarai universiti boleh dipohon adalah seperti berikut:

BIDANG	BIL.	10 UNIVERSITI TERBAIK US DAN UK SECARA KESELURUHAN*	NEGARA
<p><b>1. Kejuruteraan &amp; Teknikal</b></p> <p><b>2. Sains &amp; Teknologi</b></p> <p><b>3. Sains Sosial:</b> terhadap kepada Sains Politik / Hubungan Antarabangsa, Kewangan / Perbankan, Perakaunan / Percukaian, Ekonomi, Psikologi</p> <p><b>4. Industri Kreatif:</b> terhadap kepada penerbitan filem/ TV, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital, seni visual, penulisan kreatif.</p> <p><b>Nota :</b> Senarai universiti juga dibuka kepada 10 universiti terbaik di US atau UK <b>mengikut bidang berdasarkan</b> THE, QS atau ARWU (panduan di <b>iklan PPN</b>).</p>	1.	Stanford University	USA
	2.	Harvard University	USA
	3.	California Institute of Technology	USA
	4.	Massachusetts Institute of Technology	USA
	5.	University of California, Berkeley	USA
	6.	Yale University	USA
	7.	Princeton University	USA
	8.	University of Chicago	USA
	9.	Johns Hopkins University	USA
	10.	University of Pennsylvania	USA
	11.	Cornell University	USA
	12.	Columbia University	USA
	13.	University of Oxford	USA
	14.	University of Cambridge	UK
	15.	Imperial College London	UK
	16.	University College London	UK
	17.	London School of Economics and Political Science	UK
	18.	University of Edinburgh	UK
	19.	King's College London	UK
	20.	University of Manchester	UK
	21.	University of Warwick	UK
	22.	University of Bristol	UK
	23.	The University of Sheffield	UK
	24.	University of Birmingham	UK

**17. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian di pusat persediaan yang berasingan?**

**Tidak.** Calon-calun yang berjaya ditawarkan di bawah Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022 perlu mengikuti program persediaan di **kolej persediaan yang telah ditetapkan oleh JPA sahaja.**

**18. Sekiranya saya menolak tawaran biasiswa di bawah Program Penajaan Nasional (PPN) Tahun 2022, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

**Ya.** Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya melepasi syarat-syarat permohonan program penajaan.

**19. Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **26 Jun 2022 (Ahad) jam 5.00 petang.** Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**20. Keputusan Permohonan**

Keputusan permohonan penajaan Program Penajaan Nasional ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://esila2.jpa.gov.my> pada **29 Julai 2022 (Jumaat).**

\*Dikemaskini pada 10 Jun 2022